

# Rakyat digesa hargai keamanan

UM 14 NOV 2001

KUALA LUMPUR 13 Nov.

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata masyarakat Malaysia perlu terus membentuk persefahaman dan mengamalkan toleransi antara kaum agar kemajuan dan kemakmuran yang dicapai negara ini dapat dipertahankan dan dipertingkatkan.

Perdana Menteri berkata hasil kestabilan dan keharmonian negara yang wujud daripada bernaduan dan semangat toleransi rakyat pelbagai kaum, Malaysia dianggap sebagai negara membangun yang termaju sekali.

"Tanpa nilai-nilai ini kita tidak mungkin mencapai tahap kemajuan dan kemakmuran yang kita nikmati sekarang," katanya dalam perutusan perayaan Deepavali yang akan disambut oleh rakyat Malaysia beragama Hindu esok.

Dr. Mahathir berkata walaupun Malaysia negara Islam dan majoriti penduduknya terdiri daripada umat Islam, namun hak untuk kaum lain menganut agama serta mengamalkan budaya masing-masing tetap dipertahankan seperti termaktub dalam Perlembagaan.

## Tradisi

Dr. Mahathir berharap supaya tradisi rumah terbuka serta kunjung-mengunjing diteruskan kerana ia penting bagi membentuk persefahaman dan sikap toleransi antara rakyat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata di sesetengah negara, perbalahan antara masyarakat berlainan agama dan kaum, malah an antara satu kaum yang berlainan agama, telah menghancurkan negara berkeinaan.

Oleh sebab itu banyak warga asing bermati-matian untuk meneludupi diri masuk ke negara ini, katanya.

"Biasanya ini berlaku kepada negara yang sudah maju, tidak kepada negara membangun seperti Malaysia," kata Perdana Menteri.

Terdapat hampir dua juta rakyat asing yang masuk dengan izin atau tanpa izin ke Malaysia, dan menurut Dr. Mahathir, jika Malaysia tidak aman dan maju sudah tentu mereka tidak akan datang ke sini.

Rakyat Malaysia yang berfikiran waras dan rasional perlu menghargai keberadaan di negara ini kerana rakyat tidak perlu berhijrah ke negara-negara lain, katanya.

"Malaysia adalah negara kita dan kita perlu tentukan ia terus aman dan maju," katanya. — Bernama